

UMS perluas kerjasama antarabangsa bersama universiti di Kemboja

UB 25.10.2018 B3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkuatkannya lagi jaringan kerjasama bersama institusi pengajian tinggi di peringkat antarabangsa melalui satu jalinan kerjasama bersama Pannasastra University of Cambodia (PUC), sebuah universiti swasta yang terkenal di Kemboja dan juga kelompok akademik di Eropah, Asia Timur serta Amerika Syarikat.

Hasrat itu dinyatakan dalam satu kunjungan hormat oleh delegasi UMS yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS Prof Dr Rasid Mail ke universiti berkenaan.

Delegasi UMS yang disambut mesra oleh Naib Presiden Hubungan Antarabangsa, Teknologi Maklumat dan Pusat Maklumat PUC Long Kimheng kemudiannya mengadakan satu mesyuarat bagi perbincangan ke arah satu hubungan kerjasama yang mantap di antara kedua-dua universiti, yang turut dihadiri oleh Naib Presiden Logistik dan Kejuruteraan PUC Justin Dara Op, Penolong Canselor PUC Victor Theng dan Pengarah Hubungan



RASID (tiga dari kiri) pada majlis menandatangani surat niat bersama Pannasastra University of Cambodia.

Antarabangsa PUC Sam Sukon Sok.

Mesyuarat itu diakhiri dengan satu acara menandatangani surat niat antara kedua-dua universiti bagimewujudkan hubungan kerjasama rapat dalam pembangunan pelajar dan kakitangan akademik antara UMS dan PUC.

Dalam pada itu, Pengarah Program Amsalie Pisali dalam satu kenyataan berkata, program itu dijayakan hasil peruntukan setiap tahun oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah kepada Persatuan Pelajar Pascasiswazah di bawah program 'Youth Generation through Cultural Integration

2.0'.

"Penganjuran program sebegini sekali gus mampu membina hubungan baik antara universiti dan negara amnya menerusi hubungan pelajar-pelajar pascasiswazah di negara yang dilawati."

"Beberapa aktiviti kemasyarakatan turut kita adakan di beberapa kampung di situ sepanjang lawatan kerja itu berlangsung," katanya.

Lawatan itu turut diserikan dengan tarian kebudayaan yang dipersembahkan oleh 11 pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah dari UMS yang juga Exco Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS.



DELEGASI UMS merakamkan gambar kenangan bersama kakitangan dan pelajar yang menjayakan persembahan tarian kebudayaan dalam satu majlis.